

KEPEKASA UPMKB anjur bengkel dalam talian untuk kakitangan

BINTULU: Kesatuan Kakitangan Sokongan Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (KEPEKASA UPMKB) telah mengadakan Bengkel Interaktif Minda secara dalam talian untuk kakitangan sokongan semasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihian (PKPP).

Bengkel itu menggunakan platform WEBEX MEET merupakan inisiatif bagi mengurangkan perjumpaan bersemuka dengan menggunakan teknologi dalam talian serta mengelak risiko wabak COVID-19 dalam kalangan masyarakat sekali gus menyahut seruan kerajaan dalam mengamalkan norma baharu.

Pengarah programnya merangkap Exco KEPEKASA Ahmad Hafiz Ahmad Zekri berkata, menerusi bengkel itu kakitangan UPMKB dapat mempelajari ilmu-ilmu untuk meningkatkan produktiviti dan menambah kemahiran-kemahiran baharu yang boleh diaplikasi dalam kerjaya dan kehidupan.

Menurutnya, konsep bengkel tersebut lebih interaktif kerana peserta boleh berkomunikasi dengan penceramah, menyoal dan memberi pandangan serta berpeluang mendapat hadiah daripada pengajur untuk peserta yang aktif.

"Bengkel Interaktif Minda pada kali ini telah menjemput Pegawai Psikologi UPM Muhammad Abdul Rahim



AKTIF: Muhammad Abdul Rahim menyampaikan ceramahnya kepada peserta bengkel yang terdiri daripada kakitangan sokongan UPMKB.

Habib untuk membicarakan tajuk 'Membina Hubungan Yang Baik Dalam Kehidupan', katanya semalam.

Katanya, pelaksanaan PKP sedikit sebanyak telah memberi kesan terhadap perhubungan sepanjang tempoh berada di rumah.

Justeru katanya, penceramah telah berkongsi tentang tujuh perkara yang menghancurkan hubungan dan tujuh perkara yang boleh menjadikan hubungan lebih erat termasuk cara berfikir yang salah dalam menghadapi cabaran dan peristiwa yang boleh memberi kesan negatif kepada emosi serta tingkah laku seseorang semasa tempoh itu.

Keadaan itu katanya, membawa kepada tekanan, keimbangan

dan kemurungan maka kepentingan mempunyai kemahiran daya saring pemikiran sangat penting dalam membantu situasi yang dihadapi.

Ujarnya, bengkel itu telah disertai lebih 80 kakitangan UPMKB yang merupakan ahli kesatuan.

Dalam pada itu, Presiden KEPEKASA Veronica Edmund Dana berterima kasih kepada peserta program dan menyatakan komitmen beliau untuk membantu ahli kesatuan dalam menganjur dan melaksanakan program-program bermanfaat pada masa depan.

Pada akhir program, beliau melakukan cabutan bertuah seterusnya mengumumkan hadiah kepada peserta aktif sepanjang bengkel berlangsung.